



KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

**KEMPEN ADVOKASI KESELAMATAN LEBUHRAYA SEMPENA
PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2017
DI MANAGEMENT AND SCIENCE UNIVERSITY (MSU), SHAH ALAM
PADA 19 JANUARI 2017**

Shah Alam, 19 Januari 2017 – Kementerian Kerja Raya dengan sokongan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Management & Science University (MSU) telah menjayakan satu program Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya bersempena dengan sambutan perayaan Tahun Baru Cina 2017 di Dewan Performance Arts Theatre (PAT), Management & Science University (MSU) Shah Alam, Selangor. Kempen Advokasi Keselamatan Lebuhraya ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pengguna lebuhraya yang akan pulang ke kampung halaman untuk menyambut Tahun Baru Cina, mahupun yang berada di ibu kota Kuala Lumpur.

Kempen yang dilancar masih mengguna pakai platform media sosial dengan *hashtag* **#Respeklabro** bertujuan untuk menangani isu keselamatan jalan raya secara lebih holistik dengan melaksanakan intipati-intipati utama dalam Pelan Tindakan Keselamatan Jalan Raya 2014 – 2020. Pelan tindakan yang merangkumi lima (5) tonggak strategik iaitu:-

- 1) Pengurusan Keselamatan Jalan Raya;
- 2) Mobiliti dan Jalan Raya yang lebih selamat;
- 3) Kenderaan yang lebih selamat;
- 4) Pengguna jalan raya yang lebih selamat dan;
- 5) Pengurusan pasca kemalangan



Pelbagai inisiatif telah dijalankan secara berterusan bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara ini serta program kesedaran dan penguatkuasaan keselamatan jalan raya yang bertindak sebagai langkah intervensi atau pencegahan dapat membantu mengurangkan peningkatan kadar kematian yang dijangka meningkat sebanyak 56% menjelang tahun 2020. Keselamatan jalan raya adalah isu kesihatan awam dan pembangunan yang perlu ditangani secara lebih komprehensif kerana ia akan mendatangkan kesan negatif kepada ekonomi, kesihatan dan juga kebajikan orang ramai sekiranya tidak dibendung dengan berkesan. Berdasarkan sumber dan statistik daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ), jumlah kemalangan yang direkodkan di seluruh Malaysia adalah sebanyak 489,606 melibatkan 6,706 kematian sepanjang tahun 2015. Ini menyaksikan peningkatan sebanyak hampir 3% daripada tahun sebelumnya (2014) yang mencatat 476,196 kemalangan dan 6,674 kematian. Sejak 10 tahun yang lepas, lebih daripada 6,000 kematian direkodkan setiap tahun dan ini menunjukkan kadar kematian di jalan raya adalah lebih daripada 18 orang setiap hari.

Pihak Kerajaan menerusi peranan strategik dan pragmatik yang diterajui oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) komited dalam membangunkan infrastruktur dan kemudahan yang selamat untuk rakyat, di samping menambah baik kualiti hidup rakyat dalam pelbagai espek yang bermatlamatkan “pertumbuhan berpaksikan rakyat”.

Justeru sebagai usaha untuk mengurangkan jumlah statistik kemalangan yang direkodkan sebelum ini, KKR antara lainnya, telah meletakkan pembaikan di kawasan yang kerap berlaku kemalangan atau *blackspot*.

Peranan dan tanggungjawab pengguna jalan raya juga penting bagi memastikan semua usaha yang dilaksanakan mampu dicapai bagi menangkis faktor utama penyumbang kepada kemalangan jalan raya atau lebuhraya iaitu manusia. Di samping itu, sikap mementingkan diri sendiri ini juga mendorong kepada faktor kecuaiian seperti pemanduan melebihi had laju, berlumba, melanggar lampu isyarat, menukar laluan tanpa memberi isyarat dan penggunaan telefon bimbit semasa pemanduan. Selain itu juga, sikap



memotong barisan (potong Q) dan gemar menggunakan laluan kecemasan di lebuhraya telah menjadi *trend* untuk bagi segelintir pengguna jalan raya dan lebuhraya.

Kempen Advokasi **#Respeklabro** ini merupakan satu lagi program keselamatan yang berteraskan pendidikan berterusan (*continuous education programme*). Sasaran kempen advokasi khususnya tertumpu kepada agen perubahan seperti seperti pelajar-pelajar sekolah dan universiti bagi menerapkan nilai pemanduan berhemah dan bertimbang rasa di atas jalan raya.

Sempena sambutan perayaan Tahun Baru Cina tahun ini, dijangka pertambahan trafik harian di Lebuhraya PLUS dan lebuhraya utama lain berbanding trafik harian di luar musim puncak. Justeru, pihak LLM dan PDRM serta dengan kerjasama syarikat-syarikat konsesi lebuhraya seluruh negara telah bersedia untuk membantu pengguna dengan langkah-langkah proaktif dalam melancarkan aliran trafik dan memastikan keselamatan sewaktu musim perayaan. Pengguna dinasihatkan untuk mematuhi Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (Travel Time Advisory) bagi Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur yang telah disediakan oleh pihak PLUS Berhad dan ANIH Berhad. Pada masa yang sama, pengguna juga boleh mendapatkan maklumat trafik terkini daripada pusat pengurusan trafik TMC LLM yang beroperasi 24 jam sehari untuk perancangan perjalanan. Semasa musim perayaan, pihak Kerajaan telah mengeluarkan arahan henti kerja (stop work order) di lebuhraya kecuali kerja-kerja kritikal sahaja bermula dari 21 Januari 2017 sehingga 5 Februari 2017.

Syarikat-syarikat konsesi lebuhraya juga akan melaksanakan Program *Corporate Social Responsibility* (CSR) di lebuhraya masing-masing dengan pemberian diskaun serta rebat sempena musim perayaan sebagai tanda penghargaan mereka kepada pengguna-pengguna lebuhraya dan mengurangkan beban perbelanjaan di musim perayaan ini.

Butiran lengkap lebuhraya-lebuhraya tol yang menawarkan insentif berbentuk diskaun dan rebat tol kepada pengguna-pengguna lebuhraya sempena cuti perayaan Tahun Baru Cina 2017 adalah seperti berikut:-



REBAT

BIL	LEBUHRAYA	TARIKH REBAT	KADAR REBAT (%)
1	PLUS	27/1/2017 30/1/2017 3/1/2017 4/1/2017 (12.00 malam - 6.00 pagi)	50% untuk pembayaran secara elektronik bagi perjalanan yang melebihi 100KM (SEMUA KELAS)

DISKAUN TOL

BIL	LEBUHRAYA	TARIKH DISKAUN	KADAR DISKAUN (%)
1	GUTHRIE	28/1/2017 (6.00 pagi) hingga 29/1/2017 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
2	LKSA	28/1/2017 (6.00 pagi) hingga 29/1/2017 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
3	AKLEH	28/1/2017 (6.00 pagi) hingga 29/1/2017 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
4	SMART	28/1/2017 (6.00 pagi) hingga 29/1/2017 (6.00 pagi)	10% (SEMUA KELAS)
5	KESAS	28/1/2017 (12.00 malam hingga 11.59 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
6	KL – KARAK	28/1/2017 (12.00 malam hingga 11.59 malam)	10% (ETC SEMUA KELAS)
7	LPT 1	28/1/2017 (12.00 malam hingga 11.59 malam)	10% (ETC SEMUA KELAS)
8	DUKE	28/1/2017 (11.59 malam hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
9	NPE	28/1/2017 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)



10	BESRAYA	28/1/2017 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
11	LEKAS	28/1/2017 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA) Di Plaza Tol Ampangan
12	MEX	28/1/2017 (12.00 malam hingga 11.59 malam)	10% (SEMUA KELAS)
13	LDP	28/1/2017 (12.00 malam hingga 11.59 malam)	Diskaun Kadar Rata RM0.60 (Semua Kelas)
14	SPRINT	28/1/2017 (12.00 malam hingga 11.59 malam)	Diskaun Kadar Rata RM0.20 (Semua Kelas)
15	GRAND SAGA	28/1/2017 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
16	GRAND SEPADU	28/1/2017 (12.01 pagi hingga 12.00 malam)	10% (KELAS 1 SAHAJA)
17	SDE	28/1/2017 (6.00 pagi) hingga 29/1/2017 (6.00 pagi)	10% (KELAS 1 SAHAJA)

-TAMAT-

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:-

En. Mohd Ramali Abu Bakar, Pengurus Besar, Divisyen Komunikasi Korporat,
Kumpulan PROLINTAS di 019-220 0700

En. Shah Rizal Mohamed Fawzi, Pengurus Komunikasi,
Lingkar Trans Kota Sdn Bhd di 017-275 7434

En. Mohd Halmiee Saharudin, Eksekutif Kanan Komunikasi Korporat,
New Pantai Expressway Sdn Bhd di 012-383 3569